

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMULIHAN SUNGAI SEMPENA
HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA
SUNGAI DERHAKA, TAMAN NAGASARI, PERAI
5 JUN 2013 (RABU)**

.....

Yang Berusaha Encik Abdul Razak bin Othman

Timbalan Ketua Pembinaan

Yang Berusaha Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MMC-Gamuda kerana sudi mengadakan program pemuliharaan sungai sempena Hari Alam Sekitar Sedunia di Sungai Derhaka, Taman Nagasari, Perai.

Tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2013 ialah 'Think, Eat, Save - Reduce Your Food Print' - Slashing Food Waste.

Kajian United Nations Environment Programme (UNEP) didapati 1/3 makanan berakhir menjadi sisa di dalam tong sampah. Pembaziran bermula dari petani, pemunya pengangkutan, pemproses makanan, kedai dan akhirnya pengguna.

Pembaziran berakhir di tempat pelupusan sampah dan menjana gas metane dan menyumbang kepada kepanasan global.

Kita perlu mengamalkan zero waste melalui program 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse and Recycle demi masa depan generasi akan datang. Sisa makanan boleh dijadikan kompos bagi tanaman dan selanjutnya memulihkan tanah yang sakit.

Tema program pada pagi ini ialah 'Think Green' Be part of the Solution, Not Part of the Pollution.

Selari dengan moto kerajaan negeri 'Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang'.

Sebanyak 60 orang murid sekolah dari Kg Tok Panjang akan mengambil

bahagian dalam program membuat dan melontar mud ball di Sungai Derhaka.

Sumber air yang tidak diurus dengan betul akan menyebabkan sumber air jangka panjang yang tidak berkesan. Ini telah menjadi satu isu global dan menimbulkan krisis kepada pengurusan air secara lestari.

Semua pihak seperti isi rumah, industri, institusi dan lain - lain seharusnya tahu untuk membuat perancangan yang sesuai dalam penggunaan air agar pengurusan sumber air dapat dijalankan secara lestari dan mampan. Persekitaran yang baik dan sesuai akan memastikan sumber air tidak tercemar.

Pengurusan sisa dengan baik dan penggunaan teknologi yang berkesan akan membantu mengurangkan air sisa atau air leachate daripada mencemarkan kawasan tadahan air terutama air bawah tanah.

Semua pihak harus bekerjasama bagi memastikan program pemulihan dan pengurusan sungai perlu dilakukan secara berterusan bagi menjamin kesempurnaan ke atas sistem sungai dan sumber air tidak tercemar.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.